

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH :
SOALAN :

YB Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- a) Senarai ubat organ perut dan usus (gastrointestinal) yang paling banyak digunakan di hospital Kerajaan, 5 ubat yang paling banyak digunakan, berapakah kos setiap ubat bagi setahun serta berapakah kos setahun bagi ubat Proton Pump Inhibitors; dan
- b) Apakah ada garis panduan khusus bagi ubat jenis Proton Pump inhibitors.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 146 sediaan ubat kelas terapeutik gastrointestinal di dalam senarai ubat-ubatan KKM yang biasanya digunakan di fasiliti-fasiliti kerajaan. 5 jenis ubat yang paling tinggi penggunaannya adalah Esomeprazole, Ranitidine, Omeperazole, Pantoprazole dan Mixture Magnesium Trisilicate . Perbelanjaan setahun bagi 5 jenis ubat-ubatan dalam kelas *Proton Pump Inhibitors* (PPIs) adalah sebanyak 1.66%

(RM38,545,829) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan ubat-ubatan bagi tahun 2015.

Penggunaan ubat-ubatan di fasiliti KKM adalah berdasarkan indikasi dan kategori preskriber. Sehingga kini, tiada garis panduan khusus bagi ubat jenis *PPIs*. Ubat-ubatan ini akan di preskrib mengikut *Clinical Practice Guideline* (CPG) bagi penyakit-penyakit tertentu. Sebagai contoh di antara CPG yang digunakan adalah *Management of Non-Variceal Upper Gastrointestinal Bleeding*, April 2003.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN : 420

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terakhir projek menaik taraf dan memperelokkan kemudahan di Terminal Jeti Kuala Kedah. Adakah ada perubahan kepada projek ini dengan wujudnya projek baru penambakan laut di Kuala Kedah.

JAWAPAN

Yang Berhormat,

Untuk makluman, buat masa ini, Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan Kajian Kemungkinan Pembangunan Semula Terminal Penumpang Kuala Kedah dan Kuala Perlis pada Februari 2015 dan dimuktamadkan pada Oktober 2015 dengan kos keseluruhan berjumlah RM5 juta. Fokus utama kajian adalah bagi menganalisa kedua-dua kawasan jeti dari aspek hidraulik, kejuruteraan, sosio-ekonomi, alam sekitar dan reka bentuk pembangunan bagi mendapatkan opsyen-opsyen pembangunan semula yang sesuai dan wajar termasuk opsyen penswastaaan (*build-operate-transfer*) terminal-terminal penumpang berkenaan.

Oleh demikian, sebarang opsyen menaik taraf Terminal Penumpang Kuala Kedah yang akan dibuat oleh Kerajaan akan mengambil kira keperluan hampir 1.5 juta penumpang yang menggunakan perkhidmatan di terminal berkenaan setiap tahun. Opsyen berkenaan juga perlu mampu untuk menyelesaikan isu kesesakan di terminal penumpang sedia ada sekaligus meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.